

Najib tiada kuasa kawal lembaga pengarah



BERITA HARIAN 09 JUL 2025

m/s: 16

Bekas Perdana Menteri tidak pengaruhi operasi, keputusan syarikat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu Datuk Seri Najib Razak tidak mengawal keputusan Lembaga Pengarah SRC International Sdn Bhd dan tidak mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada syarikat pelaburan strategik itu dalam kapasiti sama seperti seorang pengarah.

Peguam Muhammad Farhan Muhammad Shafee dalam hujahnya berkata, sebarang peranan rasmi Najib atau hak memberi kelulusan selaku pemegang saham ialah sebahagian daripada struktur tadbir urus yang sah.

Peguam itu berkata, ini tidak menjadikan beliau sebagai kuasa yang mengawal atau mempengaruhi sepenuhnya keputusan dan operasi SRC International.

“Dengan kata lain, tanggungjawab, kewajipan, amanah dan liabiliti terletak pada lembaga pengarah. Lembaga pengarah dan pengurusan SRC Internatio-

nal bertanggungjawab terhadap segala urus niaga yang berlaku dalam syarikat itu.

“Datuk Seri Najib tidak mempunyai kawalan eksklusif ke atas operasi SRC International atau pengendalian hasil pinjaman daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

“Lembaga pengarah yang melaksanakan semua urus niaga berkaitan dan bertanggungjawab terhadap pemantauan. Sekiranya berlaku sebarang penyelewengan, ia berpunca daripada keputusan lembaga itu sendiri,” katanya.

Muhammad Farhan berkata, walaupun mengambil kira arahan dikatakan datang daripada Najib sekalipun, beliau (Najib) akhirnya menyerahkan tanggungjawab kepada lembaga pengarah untuk menguruskan dana berkenaan dengan sewajarnya.

Muhammad Farhan berkata demikian ketika berhujah pada prosiding kes saman difailkan SRC International pada 7 Mei 2021 terhadap Najib dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Nik Faisal Ariff Kamil, bagi menuntut ganti rugi berjumlah AS\$1.18 bilion.

Dalam kes saman terbabit, bekas Pengarah SRC, Datuk Suboh Md Yassin dinamakan sebagai pihak ketiga responden bersama-sama bekas pengarah lain, iaitu Tan Sri Ismee Ismail, Datuk

Mohamed Azhar Osman Khairuddin, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan Datuk Che Abdullah @ Rashidi Che Omar.

SRC mendakwa kedua-dua defendan bersubahat dan melakukan pecah amanah dan Najib turut didakwa menyalahgunakan kuasa dan memperoleh ganjaran peribadi daripada dana SRC, selain menyeleweng dana itu.

Ia memohon perisytiharan, semua defendan bertanggungjawab untuk membayar kerugian dana pelaburan itu akibat penggunaan jumlah pinjaman terbabit, selain menuntut ganti rugi am, ganti rugi teladan, ganti rugi tambahan, faedah, kos dan relief lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Gagal kemuka contoh

Sementara itu, Muhammad Farhan berkata, anak guamnya turut menolak dakwaan SRC International bahawa beliau ialah pengarah bayangan (*shadow director*) atau pengawal *de facto* syarikat itu.

Pengarah bayangan merujuk kepada individu yang walaupun tidak dilantik secara rasmi sebagai pengarah, mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas lembaga pengarah syarikat dan keputusannya.

Katanya, bukti menunjukkan Lembaga Pengarah SRC International membuat keputusan seca-

ra bebas dan tidak lazim bertindak mengikut arahan Najib.

“SRC International tidak dapat mengemuka satu pun contoh Najib mengeluarkan arahan yang mengikat kepada lembaga pengarah syarikat itu berkaitan hal ehwal operasi.

“Saksi syarikat itu sendiri, iaitu bekas Ketua Perkhidmatan Pengurusan Dana Bank BSI (Singapura), Kevin Michael Swampilai, yang mengendalikan akaun luar pesisir SRC, memberi keterangan dengan jelas beliau ‘tidak pernah menerima, melihat atau mengetahui sebarang arahan daripada defendan pertama (Najib)’ yang mengarahkan pemindahan atau pelaburan dana SRC.

“Semua arahan berhubung pergerakan dana datang daripada Jho Low (ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho) dan pegawai kanan SRC, termasuk Suboh dan bukannya daripada Najib.

“Ini pengakuan yang sangat penting daripada saksi pihak plaintif sendiri, walaupun Datuk Seri Najib memegang jawatan tinggi, tiada sebarang arahan daripadanya pernah disampaikan kepada bank yang mengendalikan wang berkenaan,” katanya.

Prosiding di hadapan Hakim Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin bersambung pada tarikh yang ditetapkan kemudian.